

**Isu dan inisiatif untuk meningkatkan populariti destinasi pelancongan pantai:
Kajian kes Pantai Kelanang, Selangor**

ABSTRAK

Kertas kerja ini meneliti tentang isu dan inisiatif untuk meningkatkan populariti Pantai Kelanang sebagai destinasi pelancongan di Selangor. Sehingga ke hari ini, Pantai Kelanang lebih sinonim sebagai lokasi penggambaran pasangan pengantin, iklan dan filem. Persoalannya, bagaimakah populariti pantai ini mampu dipertingkatkan? Kajian ini melibatkan kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik. Seramai 80 orang responden iaitu 35% penduduk tempatan, 62.5% pelancong domestik dan 2.5% pelancong asing terlibat dalam kajian ini. Profil demografik responden menunjukkan 54% adalah lelaki, 48% responden berumur dalam lingkungan 31 - 40 tahun, 77.5% berbangsa Melayu, 75% adalah berstatus berkahwin dan 56% berpendidikan di peringkat menengah. Hasil kajian menunjukkan lebih 80% responden adalah pengunjung ulangan, 52.5% datang berkumpulan atau berpasangan, 62.5% melawat menggunakan kereta persendirian dan lebih 60% menginap di destinasi yang dikunjungi. Tarikan utama responden datang ke Pantai Kelanang ialah pemandangan yang cantik (36%) dan pantai yang bersih (28%). Antara isu yang dikenal pasti ialah pengurusan dan penjagaan pantai, kemudahan asas yang disediakan, kepelbagaiannya aktiviti yang ditawarkan, faktor aksesibiliti dan promosi serta persaingan dengan pantai yang berdekatan. Inisiatif yang dicadangkan untuk meningkatkan populariti Pantai Kelanang termasuklah pembinaan jalan baru dan pengurusan lalu lintas, pembangunan Kelanang Waterfront, pengindahan persekitaran desa serta meningkatkan publisti dan promosi.